

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 31 MEI 2023

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 26

Fasa pertama dilancar Jun ini

Bernama

Kuala Lumpur

Malaysia bersedia melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaganya secara berfasa mulai bulan depan, meletakkan cita-cita sifar bersih negara sebagai tindakan dengan mengenal pasti inisiatif impak utama dan pelan pelaksanaan untuk dua dekad akan datang.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, pelan hala tuju itu menggariskan langkah-langkah kerajaan untuk mencapai sasaran kapasiti tenaga boleh diperbaharui (RE) sebanyak 70 peratus menjelang 2050.

"Kita akan melancarkan fasa pertama menjelang akhir Jun, yang mana ia merangkumi projek dan inisiatif strategik seperti ladang hidrogen dan solar, serta zon khas RE.

"Manakala fasa dua akan diadakan pada Ogos tahun ini, mengenai perkara yang dibolehkan - yang saya makludkan ialah reformasi perundangan, pembiayaan insentif yang ada yang akan kami lakukan untuk mempercepatkan peralihan itu," katanya kepada pemberita pada Siri Persidangan Affin 2023 di sini semalam.

Beliau berkata, kerajaan perlu memacu perubahan melalui kerjasama rapat dengan industri memandangkan pelan peralihan tenaga negara adalah satu usaha yang besar.

"Saya fikir untuk fasa pertama pada bulan Jun dan fasa kedua pada bulan Ogos, akan ada lebih banyak ke-



RAFIZI menyampaikan ucaptama pada Siri Persidangan Affin 2023.

PELAN HALA TUJU PERALIHAN TENAGA

FASA PERTAMA DILANCAR JUN INI

jelasan kerana saya juga berbincang tentang cabaran (seperti) sinis yang perlu kami atasi.

"Saya faham tentang perkara itu. Jika saya berada di luar, saya akan menjadi sinis juga kerana saya pernah

mendengarnya sebelum ini, orang mahu melihat tindakan, dan dengan tindakan, (bermakna) perkara sebenar boleh dibangunkan," tambahnya.

Terdahulu, dalam ucaptamanya, Rafizi berkata, pelan

hala tuju adalah langkah penting dalam meletakkan wang di bidang pertumbuhan strategik, bukan semata-mata menabur janji dalam kelestarian alam sekitar dan tidak lagi melihat pertumbuhan ekonomi dan pe-

lepasan karbon sebagai matlamat tidak bersesuaian.

"Walaupun ada yang masih memperdebatkan tentang pulangan kewangan daripada projek-projek yang boleh diperbaharui tertentu, kami bersedia melabur wang